



MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA  
*Malaysian Examinations Council*



# LAPORAN PEPERIKSAAN

# STPM

## Seni Visual (970)

# 2024



## PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 1, sebanyak 11 770 orang calon menduduki peperiksaan mata pelajaran ini dan 70.12% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Peratusan calon mengikut gred adalah seperti yang berikut:

| Gred      | A     | A–   | B+   | B    | B–    | C+    | C    | C–   | D+   | D    | F     |
|-----------|-------|------|------|------|-------|-------|------|------|------|------|-------|
| Peratusan | 13.00 | 5.79 | 9.28 | 7.20 | 12.06 | 14.19 | 8.60 | 3.90 | 3.43 | 3.37 | 19.18 |

## RESPONS CALON

### *Komen am*

Kertas ini ialah kertas bertulis yang terdiri daripada bahagian (a), iaitu bahagian soalan struktur. Bahagian (b) dan (c) pula ialah bahagian soalan esei panjang. Pada keseluruhannya, mutu jawapan calon bagi kertas ini adalah baik. Calon merancang jawapan dengan mengemukakan isi, huraian, dan contoh dengan baik. Kelemahan calon adalah lemah dalam menulis pendahuluan dan penutup bagi soalan esei. Kebanyakan calon menulis semula soalan sebagai pendahuluan dan bahagian penutup tidak dirumuskan semula isi-isi yang diberikan. Penutup yang ditulis hanya umum sahaja.

## BAHAGIAN A

### Soalan 1

Soalan ini menghendaki calon untuk menjelaskan tiga prinsip rekaan dalam seni visual. Majoriti calon dapat menjawab soalan ini dengan markah penuh. Namun begitu, terdapat segelintir calon yang tidak mendapat markah penuh kerana memberikan fakta prinsip rekaan yang betul tetapi memberikan huraian unsur seni.

### Soalan 2

Soalan ini perlu dijawab pada dua bahagian, iaitu bahagian (a) dan (b). Soalan pada bahagian (a) menghendaki calon memperihalkan hal benda. Calon dapat menjawab soalan ini dengan memperihalkan hal benda dengan baik. Namun demikian, terdapat calon yang tidak menjelaskan hal benda tetapi terus memberikan contoh. Misalnya figura, flora, dan fauna. Soalan di bahagian (b) pula menghendaki calon menerangkan bagaimana hal benda menentukan tema. Calon hanya menyebut hal benda sahaja. Calon juga tidak menguasai maksud tema untuk dikaitkan dengan hal benda. Ramai calon agak keliru dengan perkataan perihalkan. Kebanyakan calon hanya mengulang semula soalan.

### Soalan 3

Soalan menghendaki calon menjelaskan kepentingan kritikan seni visual. Hanya sebilangan kecil calon berjaya mengemukakan idea yang baik seperti meningkatkan kefahaman tentang karya, meningkatkan kualiti pengkaryaan dan perekaan serta membuat penilaian terhadap hasil karya. Kebanyakan calon gagal mengemukakan idea yang baik kerana tidak memahami kehendak soalan yang berkaitan dengan kepentingan kritikan seni visual tetapi lebih menjurus kepada keperluan dan kehendak kritikan seni visual. Calon menyatakan kepentingan secara umum dan difokuskan kepada calon dan guru sahaja tetapi tidak kepada masyarakat dan pengkarya.

### Soalan 4

Soalan ini merujuk karya Juan Gris bertajuk *Portrait of Pablo Picasso*. Soalan ini menghendaki calon untuk membuat kritikan terhadap karya tersebut berdasarkan strategi deskripsi, analisis, dan interpretasi. Hampir keseluruhan calon boleh menjawab soalan dengan baik pada bahagian deskripsi yang berkaitan dengan hal benda atau imej dan subjek yang ada dalam catan tersebut. Calon juga boleh menjawab soalan dengan baik untuk soalan pada bahagian analisis yang berkaitan dengan aspek formal. Sebilangan besar calon lemah untuk menjawab soalan pada bahagian interpretasi yang berkaitan dengan mesej serta makna tersurat dan tersirat. Calon lebih menjurus kepada jawapan tokoh Pablo Picasso ialah pengkarya pada catan tersebut dan figura pada catan ialah pelukis dan pekerja pejabat.

## BAHAGIAN B

### Soalan 5

Soalan ini berdasarkan karya bertajuk *Summer Night's Dream (The Voice)* yang dihasilkan oleh Edvard Munch. Soalan ini memerlukan calon menjelaskan tiga prinsip rekaan yang terdapat dalam karya ini. Majoriti calon memilih soalan ini. Calon menjawab soalan dengan baik soalan ini dan faham prinsip-prinsip rekaan yang diketengahkan serta dapat mengaplikasikan pengetahuan mereka melalui karya yang diketengahkan. Calon menjawab soalan dengan baik untuk jawapan fakta seperti harmoni, kepelbagaian, keseimbangan, penegasan, pergerakan, dan kadar banding. Kebanyakan calon tidak dapat mengaitkan prinsip-prinsip rekaan dengan baik. Misalnya, prinsip keseimbangan. Calon hanya menjelaskan prinsip keseimbangan tetapi tidak menyatakan jenis keseimbangan yang terdapat dalam karya, iaitu keseimbangan asimetri.

### Soalan 6

Soalan ini merujuk karya Haron Mokhtar bertajuk *Koleksi – 2000*. Soalan ini menghendaki calon untuk membincangkan mesej yang ingin disampaikan dalam karya tersebut. Calon dapat menjelaskan mesej tersurat dan tersirat dengan baik secara berturutan dalam satu perenggan bagi setiap fakta dan huraian serta dikaitkan dengan karya. Soalan ini juga menunjukkan pengetahuan calon mengenai perkembangan artis tanah air. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan dengan baik walaupun imej yang dipaparkan dalam karya ialah rumah tradisional Melayu yang sepatutnya pada zaman teknologi ini calon lebih mudah untuk mengakses maklumat dengan lebih meluas dan boleh dicapai secara dalam talian.

### **Soalan 7**

Soalan ini menghendaki calon untuk memperihalkan tiga kepentingan Balai Seni Negara sebagai penaung kepada aktiviti dan perkembangan seni visual dalam konteks pendidikan. Calon berjaya memperihalkan tiga kepentingan Balai Seni Negara sebagai penaung kepada aktiviti dan perkembangan seni visual dalam konteks pendidikan. Namun kebanyakan calon tidak memahami dengan jelas kehendak soalan. Calon menjawab soalan berdasarkan kepentingan Balai Seni Negara sebagai penaung kepada aktiviti dan perkembangan seni visual tetapi tidak berlandaskan konteks pendidikan. Jawapan calon adalah umum.

### **Soalan 8**

Soalan ini menghendaki calon untuk menjelaskan tiga gaya yang terdapat dalam aliran impresionisme. Gaya dalam konteks soalan ini ialah ciri-ciri yang terdapat dalam aliran Impresionisme. Calon tidak jelas tentang maksud gaya yang perlu dikaitkan dengan aliran Impresionisme. Kebanyakan calon kurang memahami kehendak soalan.

## **BAHAGIAN C**

### **Soalan 9**

Soalan ini berdasarkan karya oleh Claude Monet yang bertajuk *Woman with a Parasol Madame Monet and Her Son*. Soalan ini menghendaki calon untuk memperihalkan bagaimana pelukis mengolah karya tersebut. Soalan berfokus kepada penghuraian aspek hal benda, aspek formal, kandungan serta media dan teknik. Calon memberikan jawapan hanya berkisar kepada hal benda dan olahan subjek. Apabila menjelaskan mengenai aspek formal, calon menerangkan unsur seni tanpa menjelaskan aspek formal. Kebanyakan calon gagal menjawab soalan dengan baik kerana calon keliru antara gaya pengolahan dengan gaya atau ciri yang dikehendaki.

### **Soalan 10**

Soalan ini berdasarkan satu pernyataan, iaitu “Apresiasi membantu meningkatkan kefahaman terhadap sesebuah karya melalui penghayatan” dan soalan ini menghendaki calon untuk membincangkan pernyataan ini. Kebanyakan calon gagal memberikan huraian yang baik dan kurang jelas serta tidak berkaitan dengan fakta. Istilah penghayatan gagal difahami oleh calon dan calon gagal untuk mengaitkan penghayatan dengan jawapan yang diberikan. Fakta bagi soalan ini berkaitan dengan subjek, aspek formal, kandungan, dan konteks serta media dan teknik. Namun hanya aspek formal fakta yang diberikan oleh kebanyakan calon tetapi fakta yang diberikan tidak disertakan dengan huraian yang kukuh.

### PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 2, sebanyak 10 152 calon menduduki peperiksaan bagi pelajaran ini dan 87.53% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Peratusan calon mengikut gred adalah seperti yang berikut:

| Gred      | A     | A–   | B+   | B     | B–    | C+    | C     | C–   | D+   | D    | F    |
|-----------|-------|------|------|-------|-------|-------|-------|------|------|------|------|
| Peratusan | 13.36 | 8.39 | 6.22 | 12.15 | 14.41 | 21.12 | 11.88 | 3.51 | 6.10 | 0.33 | 2.53 |

### RESPONS CALON

#### *Komen am*

Kertas soalan ini mengandungi soalan yang menguji kemahiran calon dalam penghasilan lukisan. Soalan ini berbentuk gubahan idea, iaitu calon diberikan atau membawa bahan untuk menghasilkan sesuatu idea yang baharu. Bagi tahun ini, gambar sebiji buah nanas serta beberapa potongan buah nanas disertakan bersama-sama dengan soalan.

Calon diuji dengan tiga bahagian, iaitu (a), (b), dan (c). Pada bahagian (a), calon dikehendaki untuk menghasilkan satu lukisan secara realistik berdasarkan gambar buah nanas yang diberikan di dalam soalan. Bahagian (b) pula, calon dikehendaki untuk menghasilkan tiga lakaran olahan reka bentuk sebuah lampu meja. Pada bahagian (c), calon perlu menghasilkan satu lukisan akhir reka bentuk lampu meja dengan merujuk lakaran olahan reka bentuk di bahagian (b).

Secara keseluruhan, soalan jelas dan menguji kemahiran calon untuk berfikir, melihat, memahami, dan mentafsir subjek atau imej untuk mengaplikasikan sifat objek dalam bentuk lukisan realistik daripada subjek buah nanas. Kebanyakan calon berkemahiran dan proses peniruan di bahagian (a). Pada bahagian (b), iaitu proses kreativiti hanya sebahagian calon sahaja berjaya menunjukkan kefahaman menepati kehendak soalan. Majoriti calon tidak menghadapi masalah dalam menjawab soalan pada bahagian (c).

#### *Komen soalan*

Pada bahagian (a) calon perlu membuat lukisan berdasarkan buah nanas secara realistik. Bahagian (a) menguji calon dalam melihat, meneliti, dan memahami bentuk serta sifat objek. Seterusnya calon perlu menggambarkan buah nanas secara realistik dengan penekanan kepada rupa, bentuk, tekstur, dan teknik yang sesuai. Penilaian berdasarkan penekanan dari segi bentuk dan sifat objek. Kebanyakan calon mampu menterjemahkan sifat objek (buah nanas) ke dalam bentuk lukisan secara realistik. Kelemahan calon pula ialah gagal untuk menghidupkan sifat objek dari segi komposisi, tona, pencahayaan, dan bayang. Calon juga tidak mengambil kira aspek kekemasan pada lukisan. Gaya lakaran adalah sederhana.

Pada bahagian (b) pula, calon menghasilkan tiga olahan reka bentuk secara lakaran menggunakan buah nanas dengan idea yang berbeza. Setiap lakaran perlu menunjukkan perkembangan daripada subjek asal sehingga menjadi reka bentuk lampu meja dengan penekanan kepada aplikasi lukisan, kreativiti, serta penggunaan bahan dan teknik yang tepat.

Kehendak soalan memerlukan calon menghasilkan lakaran olahan perkembangan reka bentuk lampu meja yang baharu berdasarkan lakaran kajian buah nanas yang asal di bahagian (a) secara kreatif dan inovatif. Hampir semua calon hanya melukis satu lakaran idea akhir tanpa menyertakan lukisan perkembangan dari segi bentuk dan sifat buah nanas yang asal.

Pada bahagian (c) calon perlu memilih salah satu idea daripada tiga lakaran yang telah dihasilkan di bahagian (b) dan hasilkan satu lukisan akhir. Lukisan ini perlu menonjolkan keaslian rekaan, kemasan yang baik, serta aplikasi media dan teknik yang sesuai dengan rupa dan nilai yang tepat. Secara keseluruhannya, hampir semua calon dapat menjawab soalan ini. Namun, calon kurang berjaya menghasilkan lukisan yang menepati ciri-ciri kehendak rekaan lampu meja baharu yang memberikan penekanan kepada lukisan bersifat asli dengan gaya yang tersendiri. Kemahiran menguasai media dan teknik adalah pada tahap sederhana. Persembahan lukisan akhir dan kemasan hasil kerja digubah dengan rupa dan nilai yang agak bersesuaian. Terdapat segelintir calon kurang menekankan aspek dan keperluan lukisan tiga dimensi, seperti unsur bayang, bentuk, rupa, dan sudut pandangan dari pelbagai arah.





# LAPORAN PEPERIKSAAN **STPM** 2024



**PENERBITAN  
PELANGI** SDN. BHD.  
(198201009396)

WISMA PELANGI

Lot 8, Jalan P10/10, Kawasan Perusahaan Bangi,  
43650 Bandar Baru Bangi, Selangor, Malaysia.

T: +603-8922 3993 E: [customerservice@pelangibooks.com](mailto:customerservice@pelangibooks.com)



**Majlis Peperiksaan Malaysia**

Persiaran 1, Bandar Baru Selayang,  
68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan.

Tel: 03-6126 1600 Faks: 03-6136 1488

E-mel: [ppa\[at\]mpm.edu.my](mailto:ppa[at]mpm.edu.my)